

Program Ekspresi Negaraku bersama Kementerian Kesihatan Malaysia

YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri menyempurnakan Program Ekspresi Negaraku bersama Kementerian Kesihatan Malaysia di Pejabat Perdana Menteri pada hari ini.

Pada program tersebut, Perdana Menteri menyempurnakan gimik program dengan menampal pelekat Negaraku di badan kenderaan ambulan Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai tanda simbolik KKM menyokong penuh usaha Perdana Menteri untuk menyemai rasa bangga dan semangat cintakan Malaysia di kalangan warganya.

Terdahulu, Perdana Menteri turut diperkenalkan dan beramah mesra dengan anggota kesihatan beruniform yang terdiri daripada pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat yang mewakili KKM. Kesemua uniform mereka dilekatkan dengan tanda lencana logo Negaraku.

Sempena kempen tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia akan memasang pelekat Negaraku di semua kenderaan KKM secara berperingkat di seluruh negara. Manakala pemberian lencana logo Negaraku akan ditempah dan diedarkan secara berperingkat-peringkat kepada semua anggota kesihatan beruniform KKM di seluruh negara.

Program Negaraku adalah satu inisiatif untuk semua rakyat Malaysia bersatu hati, bertunjukkan semangat cintakan Malaysia. Objektif inisiatif ini adalah untuk menyemai rasa bangga dan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan warganya. Ianya memberi penekanan kepada kejayaan dan pencapaian yang boleh menjadi inspirasi dalam kalangan warganya.

Tiada jumlah belanja tambahan yang dikhususkan buat projek ini. Kementerian-kementerian di seru untuk menyokong dan menjayakan kempen ini melalui aktiviti-aktiviti sedia ada yang sememangnya berteraskan kesejahteraan rakyat, juga bertanggungjawab memastikan segalanya selaras dengan objektif kempen Negaraku.

Turut hadir dalam program ini, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri **Kesihatan, Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Hisham Abdullah Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan pegawai-pegawai kanan Kementerian**

#Negaraku

#SihatNegaraku

#BersamaUntukKesihatan







